



22 SEP, 2026

TNB dijangka serap kos tambahan sehingga RM150 juta

Berita Harian, Malaysia



TNB dijangka serap kos tambahan sehingga RM150 juta

Tenaga Nasional Bhd (TNB)

dijangka menyerap kos tambahan RM120 juta hingga RM150 juta bagi tempoh September hingga Disember 2026 berikutan pengecualian kerajaan yang diperluas untuk pengguna kediaman daripada mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA), caj runcit serta cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Menurut CIMB Securities Sdn Bhd dalam nota penyelidikan semalam, di bawah inisiatif itu, hampir sejuta pengguna kediaman tambahan akan dikecualikan (menjadikan jumlah keseluruhan lebih lapan juta pengguna) berikutan peningkatan ambang penggunaan bulanan kepada 800 kilowatt-jam (kWh) daripada 600 kWh.

“TNB menyatakan bahawa impak akhir akan bergantung pada caj AFA semasa tempoh perlindungan, yang berkaitan dengan kos bahan api,” katanya.

CIMB Securities memaklumkan, perkembangan itu dilihat sebagai satu kejutan apabila pihaknya menjangka TNB akan mendapatkan semula sebarang subsidi AFA yang diluluskan kerajaan daripada dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

Menurutnya, syarikat utiliti itu sebelum ini turut menyatakan komitmen mengenai sumbangan korporat sukarela sebanyak RM150 juta untuk menyokong inisiatif rebat elektrik berperingkat kerajaan (April-September 2020) semasa pandemik COVID-19.

“Bagaimanapun, kami melihatnya sebagai tindak balas kecemasan terhadap krisis yang teruk dan tidak pernah berlaku sebelum ini,” katanya.

BERNAMA